



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

VERSI DALAM TALIAN TEKS
CETAKAN SEMULA YANG KEMAS KINI

Akta 529

AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT (PEMERBADANAN) 1948

Mengandungi segala pindaan hingga 1 Januari 2006

Teks ini HANYALAH TERJEMAHAN oleh Jabatan Peguam Negara bagi Director General of Social Welfare (Incorporation) Act 1948. Melainkan jika dan sehingga ditetapkan sahih di bawah subseksyen 7(1) Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 [Akta 32], teks ini bukan perundangan.

**AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
(PEMERBADANAN) 1948**

Pertama kali diperbuat 1948 (Ordinan No. 22 tahun
1948)

Disemak 1994 (Akta 529 m.b.p. 12
Disember 1994)

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 529****AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
(PEMERBADANAN) 1948**

SUSUNAN SEKSYEN

Seksyen

1. Tajuk ringkas
2. Pemerbadanan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan kuasa perbadanan
3. Penyempurnaan dokumen
4. Pemberitahuan menjadi keterangan konklusif pelantikan

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 529

AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT (PEMERBADANAN) 1948

Suatu Akta untuk memperbadankan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia.

[19 Ogos 1948]

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat (Pemerbadanan) 1948.

Pemerbadanan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat dan kuasa perbadanan

2. (1) Pegawai yang pada masa ini menunaikan kewajipan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia, dan pengganti dalam jawatannya hendaklah menjadi suatu pertubuhan perbadanan di bawah nama “Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia” (kemudian daripada ini disebut “perbadanan”).

(2) Perbadanan boleh membuat kontrak dan membawa guaman dan dibawa guaman terhadapnya atas namanya tersebut dan hendaklah kekal turun-temurun dan mempunyai suatu meterai perbadanan, dan meterai tersebut boleh dari semasa ke semasa dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang disifatkan patut oleh perbadanan, dan sehingga suatu meterai diadakan di bawah seksyen ini suatu cap yang mengandungi

perkataan “Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Malaysia” bolehlah digunakan sebagai meterai perbadanan.

(3) Perbadanan boleh memperoleh, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan tak alih, dan menjual, memindahhakkan, menyerahhakkan, menyerahkan balik dan memulangkan, menggadaijanjikan, menggadaikan, mendemiskan, menyerahhakkan semula, memindahkan hakmilik atau dengan cara lain melupuskan apa-apa harta alih dan tak alih yang terletak hak pada perbadanan atas apa-apa terma yang disifatkan patut oleh perbadanan.

Penyempurnaan dokumen

3. Segala surat ikatan, dokumen dan surat cara lain yang menghendaki meterai perbadanan hendaklah dimeterai dengan meterai perbadanan di hadapan pegawai yang pada masa ini menunaikan kewajipan jawatan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia, yang hendaklah menandatangani tiap-tiap surat ikatan, dokumen atau surat cara lain yang padanya meterai perbadanan itu dicapkan, dan penandatanganan itu hendaklah menjadi keterangan yang cukup bahawa meterai tersebut telah dicapkan dengan sewajarnya dan sepatutnya dan bahawa meterai itu ialah meterai yang sah bagi perbadanan.

Pemberitahuan menjadi keterangan konklusif pelantikan

4. Suatu pemberitahuan dalam *Warta* mengenai pelantikan mana-mana orang untuk memegang atau memangku jawatan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat, Malaysia, hendaklah menjadi keterangan konklusif bahawa orang itu telah dilantik sedemikian dengan sewajarnya.

UNDANG-UNDANG MALAYSIA**Akta 529****AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
(PEMERBADANAN) 1948****SENARAI PINDAAN**

Undang-undang
yang meminda

Tajuk ringkas

Berkuat kuasa
dari

— TIADA —

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 529

**AKTA KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT
(PEMERBADANAN) 1948**

SENARAI SEKSYEN YANG DIPINDA

Seksyen

Kuasa meminda

Berkuat kuasa dari

— TIADA —
